

## **ISU DAN SEMANGAT KEBANGSAAN MELAYU DALAM KEBUDAYAAN KEBANGSAAN**

Abdul Latiff Abu Bakar

---

**S**epanjang penjajahan Inggeris di Tanah Melayu sehingga 1957, orang-orang Melayu tidak mempunyai 'masalah' untuk mengamalkan kebudayaan Melayu di tanah airnya sendiri. Mereka masih memikirkan bahawa kebudayaan Barat dan kebudayaan yang dibawa oleh kaum-kaum pendatang (pedagang), iaitu Cina dan India adalah tidak bersesuaian dengan nilai-nilai kebudayaan Melayu. Sebaliknya, kedatangan mereka secara besar-besaran pada awal abad ke-20, bukanlah atas kehendak orang Melayu, tetapi usaha yang dilakukan oleh Inggeris. Orang Melayu lebih gemar akan kedatangan orang-orang Melayu-Indonesia yang mempunyai kebudayaan Melayu yang sama dengan mereka dan menganut agama Islam.

Pertumbuhan pesat akhbar, majalah dan buku pada awal abad ke-20 turut membantu mempertahankan kemurnian kebudayaan Melayu. Para cerdik pandai Melayu (yang wujud hasil daripada sistem pendidikan Barat) telah memberi sumbangan yang melalui karya-karya mereka bagi membanteras pengaruh kebudayaan Barat dan kaum-kaum pendatang (Cina dan India) daripada meresap dalam kebudayaan Melayu. Bagi mereka, kebudayaan Melayu yang berpandukan Islam mampu mewujudkan suatu kebudayaan yang tinggi nilainya. Di antara wartawan Melayu yang masyhur pada tahun 1930-an yang mengambil berat untuk mempertahankan keaslian kebudayaan Melayu ialah Abdul Rahim Kajai, Osman Kalam, Syed Syekh Ahmad Al-Hadi, Ibrahim Haji Yaacob, Ishak Haji Muhammad, dan sebagainya.

Golongan Kaum Muda (golongan agama Islam yang berpandukan Quran dan Hadis) yang wujud pada awal abad ke-20, telah memainkan peranan penting bagi menyedarkan masyarakat tentang peranan agama dalam aspek pembangunan di Tanah Melayu. Mereka tidak berpuas hati terhadap sikap sebilangan besar orang Melayu yang mengamalkan adat resam Melayu yang bertentangan dengan ajaran Islam. Sekiranya orang Melayu melaksanakan konsep budaya Melayu yang bersandarkan Islam, pasti mereka tidak tertinggal dalam segala lapangan, sebaliknya dapat mengajar kemajuan pada zaman moden ini.

Sehingga tahun 1941, orang-orang Melayu belum begitu memikirkan kemerdekaan di tanah airnya. Mereka masih menganggap Raja atau Sultan masih menjadi ketua negeri dan hal-hal kebudayaan serta agama Islam (yang menjiwai masyarakat Melayu) diletakkan kawalan baginda. Ini menyebabkan persatuan-persatuan Melayu berunsur politik yang wujud pada perhujung tahun 1930-an tidak begitu memikirkan dengan serius tentang kebudayaan Melayu. Sebaliknya persatuan-persatuan ini memandang serius terhadap kedatangan dan kegitan orang-orang Cina dan India, dan mengesa kerajaan Inggeris bertindak mengatasinya di samping mengambil berat nasib sosial dan ekonomi orang-orang Melayu. Seterusnya, orang-orang Melayu lebih cenderung, dan mendesak kerajan

Inggeris supaya mengambil buruh dan petani daripada orang-orang Melayu-Indonesia bagi menggantikan buruh-buruh asing. Bagi orang-orang Melayu, orang Indonesia mempunyai kebudayaan yang sama dengan mereka di Tanah Melayu. Di samping itu, mereka mempunyai sanak-saudara yang menetap di sini. Sedangkan orang-orang asing seperti Cina sangat berbeza kebudayaannya dan mereka dianggap orang dagang atau orang asing yang berkerja mencari keuntungan sahaja. Lebih-lebih lagi, mereka telah mendapat perhatian kerajaan Inggeris dan suara wakil mereka di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Negeri sentiasa lantang membela nasib orang-orang Cina di Tanah Melayu. Keadaan ini menyebabkan, Kaji berpendapat bahawa kehadiran orang-orang Cina tidak sesuai di samping orang Melayu, terutama dari segi kebudayaan.

Di antara agama memang banyak bertikai, bahasa berselisih, adat resam berjauhan, kepantasan kita seperti berkahak dan terkentut waktu makan dan tak menjaga aurat waktu duduk bertenggung tak pantang kepada mereka – kita makan dengan tangan, mereka bersepit, kita istinjak dengan air, mereka dengan kertas dan beberapa banyak lagi boleh dicari jika akan dikupas semuanya menunjukkan yang kita tidak sesuai dengan mereka.

(Kaji dlm *Majlis*, 15 Ogos 1932)

### **Falsafah Kebangsaan Melayu – Usaha Menyatukan Kaum-kaum di Tanah Melayu**

Setelah pendudukan Jepun di Tanah Melayu tamat pada 1945, minat berpolitik penduduk di negeri ini, terutama orang Melayu telah bertambah. Orang-orang Melayu telah memikirkan kemerdekaan tanah airnya secara terbuka. Untuk tujuan ini, mereka telah menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada Oktober 1945 dan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu sebagai sebahagian daripada Indonesia. Sedangkan pada pertengahan tahun 1946, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) yang ditubuhkan oleh orang-orang Melayu yang masih mahukan pentadbiran Inggeris.

PKMM yang pada mulanya bergabung dalam UMNO, akhirnya bertindak keluar daripada UMNO kerana tidak bersesuaian dengan prinsip perjuangan parti itu yang berkompromi dengan kerajaan Inggeris. UMNO masih mahukan penjajah Inggeris, asalkan taraf raja dan hak istimewa orang Melayu dikekalkan serta kerakyatan orang-orang asing diperketatkan. Slogan perjuangan UMNO akhirnya berubah pada tahun 1951 – mula menuntut kemerdekaan Tanah Melayu bagi menggantikan slogan “Hidup Melayu”. PKMM di bawah pimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmy mahu menjadikan Tanah Melayu yang merdeka berdasarkan falsafah Kebangsaan Melayu. Melalui falsafah kebangsaan ini, kerakyatan Tanah Melayu yang diberi nama Malayan (ciptaan Inggeris) digantikan kepada Melayu dan bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi. Ini bermakna, setiap warganegara Tanah Melayu akan diterap dengan nilai-nilai kebudayaan Melayu.

Dr. Burhanuddin yang memimpin PKMM, seterusnya mewujudkan Pusat Tenaga Rakyat – PUTERA (Gabungan Parti-parti PKMM, AWAS, API, GERAM) untuk bersatu tenaga menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Bagi menguatkan lagi tuntutan ini, PUTERA telah bergabung dengan All-Malaya Council of Joint Action – AMCJA (Gabungan parti-parti kiri bukan Melayu) (Cheah Boon Kheng, 1982: 159-69). Gabungan

### *Isu dan Semangat Kebangsaan Melayu dalam Kebudayaan Kebangsaan*

ini berjuang secara perlembagaan dengan berpandukan Sepuluh Anggaran Dasar (Perlembagaan Rakyat), iaitu menerima kewarganegaraan Tanah Melayu sebagai MELAYU – iaitu kebangsaan Melayu bagi semua bangsa yang betul-betul hendak berwatankan Semenanjung Tanah Melayu ini.

Walaupun kerakyatan Tanah Melayu berdasarkan falsafah kebangsaan Melayu (dari segi undang-undang dan politik), beliau inginkan setiap warganegara Tanah Melayu memahami bahawa Tanah Melayu merupakan negeri yang wujud di daerah Alam Melayu – yang penuh dengan kebudayaannya yang tersendiri. Bagi Dr. Burhanuddin, Tanah Melayu sepatutnya mencontohi negeri China, yang telah berusaha menyatukan kaum-kaum Cina di bawah pimpinan Dr. Sun Yat Sen dengan kerakyatannya ‘China Baru’ dan di India, disatukan kaum-kaumnya dengan mewujudkan kebangsaan India. Dr. Burhanuddin ingin mendirikan:

... sebuah negara di atas dasar kebangsaan Melayu menurut keadilan dan kemanusiaan yang luas, iaitu sama berhak dan adil bukan berbau perkauman dan perasaan yang kolot dan kuno. Kebangsaan Melayu, bukan dibina semata-mata seorang itu bangsa Melayu, tetapi ia adalah diasaskan dan dibinakan di atas kebangsaan Melayu, iaitu kebangsaan yang mengikut tabiat semulajadi kedudukan bumi, keturunan pusaka, kebudayaan baka dan penduduk hak mutlak bumi pertiwi... semua rakyat bersatu hasrat dan azam ke dalam suatu persatuan kebangsaan pasti ia tidak akan menumpahkan taat setianya kepada negeri-negeri lain. Sesiapa sahaja yang telah memutuskan taat setianya kepada Tanah Melayu atas dasar kebangsaan Melayu, maka ia dapat diterima dalam suatu bahagian anggota, untuk semua dan untuk hak ramai, hak bersama dan sama berhak ....

(Burhanuddin, 1954 : 104)

Dr. Burhanuddin memperkenalkan ideologi kebangsaan Melayu ini berdasarkan kuasa undang-undang dan politik. Bagi beliau, penerimaan kebangsaan Melayu tidaklah turut bertukar darah baka dan bangsa keturunan sesuatu kaum (kerana ia merupakan perasaan dan tabii seseorang). Ditinjau dari segi politik, kebangsaan Melayu adalah menambah perpaduan, perasaan dan tabiat semulajadi Melayunya (di kalangan orang Melayu/bangsa Melayu) serta bersesuaian dengan undang-undang politik yang bertaraf antarabangsa.

Menurut Dr. Burhanuddin, kebangsaan Melayu itu adalah didasarkan amalan yang telah diterima oleh nenek moyang kita di dunia Melayu ini. Mereka dengan cermat dan teguh telah memelihara kebudayaannya dan adat-istiadat agama dan bangsanya. Dan sudah menjadi kebiasaan bahawa tiap-tiap satu bangsa atau kebangsaan itu mesti hanya mempunyai satu kebudayaan sahaja. Kebudayaannya, itulah yang akan merupakan satu bangsa, dan satu bangsa itu pula adalah mempunyai satu corak kebudayaan yang tersendiri (Ibid).

Dasar yang diperjuangkan oleh UMNO adalah bertentangan dengan dasar perjuangan PKMM di bawah pimpinan Dr. Burhanuddin. Dalam menentukan taraf kewarganegaraan di Tanah Melayu, UMNO menerima Malayan (terdiri dari berbagai-bagai bangsa) sebagai kewarganegaraan Tanah Melayu, iaitu seperti yang tercatat di dalam

Perjanjian Persekutuan 1948. Bagi Dr. Burhanuddin, “Malayan ialah menurut bentuk tajaan penjajahan, yang memperkecil-kecilkan dan untuk menghapuskan bangsa atau kebangsaan Melayu, yang menuntut hak kedaulatan kembali, yang mempunyai kawasan lebih luas dari tuntutan Malayan” (Ibid). Begitu juga dengan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (1957), yang masih meletakkan kewarganegaraan Tanah Melayu ialah Malayan, iaitu bukan berdasarkan falsafah Kebangsaan Melayu – sehingga mewujudkan ‘masalah’ bagi penyatuan kesan-kesan di Tanah Melayu melalui kebudayaan kebangsaan.

### **Ke arah Mewujudkan Konsep Kebudayaan Kebangsaan**

Menjelang Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, beberapa orang tokoh pendidikan dan penulis dari Singapura seperti Cikgu Mahmud Ahmad, Buyong Adil, Harun Aminurrashid, dan Ramli Abdul Hadi telah berbincang dan mengeluarkan idea bagi mengadakan Kongres Kebudayaan Melayu I. Bagi melaksanakan kongres ini, sebuah panitia kongres (daripada rakyat biasa telah dibentuk, terdiri daripada peminat-peminat budaya dari Selatan Tanah Melayu (Wawancara dengan Asmad). Cikgu Yusof Haji Harun dilantik menjadi pengerusinya dan penolong pengerusi diberikan kepada Cikgu Harun Aminurrashid, manakala tugas setiausaha dipegang oleh Cikgu Abdul Samad Ahmad (ASMAD). Kongres ini diadakan di Sekolah Tinggi Melaka dari 30 Disember 1957 hingga 2 Januari 1958, manakala peserta-pesertanya datang dari seluruh Tanah Melayu, Singapura, dan Borneo Utara (termasuk Brunei).

Parti-parti politik yang wujud ketika itu turut melibatkan diri dalam Kongres ini seperti Parti Rakyat, Parti Islam se-Tanah Melayu (PAS), UMNO, dan beberapa buah pertubuhan bahasa dan persuratan serta wakil-wakil jabatan kerajaan dan peserta perseorangan. Memandangkan Tanah Melayu sudah mencapai kemerdekaan, Kongres ini berharap agar segala rumusan, hendaklah dijadikan panduan bagi mewujudkan kebudayaan kebangsaan. Kongres ini juga telah mengambil keputusan menubuhkan Dewan Kebudayaan Kebangsaan dan melantik Aminuddin Baki menjadi pengerusinya. Malangnya Dewan ini tidak bergerak dan rumusan-rumusan Kongres ini (diberikan kepada kerajaan melalui Encik Mohd Khir Johari) tidak begitu mendapat perhatian dari pihak kerajaan (Ibid).

Kertas kerja dasar berhubung dengan konsep kebudayaan di Tanah Melayu, Singapura, dan Kalimantan Utara yang dibincangkan ialah:

- 1 Dewan Kebudayaan Kebangsaan oleh Panitia Bahagian Selatan (Singapura) dan dipengerusikan oleh Harun Aminurrashid.
- 2 Kebudayaan Melayu Secara Umum oleh Mahmud Ahmad, Raja Nordin Al-Haji dan Dahlan Buyong serta dipengerusikan oleh Mohd. Noor Sulaiman.

Kedua-dua kertas kerja ini telah membuat rumusan yang tegas terhadap konsep Kebudayaan Kebangsaan (Mastika, Februari 1958 : 20-25). Kertas kerja Dewan Kebudayaan Kebangsaan (Sidang Bahagian A) telah merumuskan bahawa “menuntut perintah Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan Kalimantan Utara supaya Kebudayaan Melayu diakui menjadi teras Kebudayaan Kebangsaan. Di dalam kertas kerja “Kebudayaan Melayu Secara Umum” (Sidang Rumusan Bahagian B), di antara rumusan yang ditetapkan ialah:

### *Isu dan Semangat Kebangsaan Melayu dalam Kebudayaan Kebangsaan*

- 1 Dengan haknya sebagai bumiputera asli Tanah Melayu, maka Kongres Kebudayaan Melayu yang pertama menetapkan bahawa Kebudayaan Melayu yang tidak bertentangan dengan agama Islam adalah menjadi kebudayaan kebangsaan Tanah Melayu.
- 2 Sebarang unsur-unsur dalam kebudayaan Melayu yang sesuai dengan kehendak-kehendak dan keadaan zaman hendaklah dipupuk dan diperkembangkan seluas-luasnya.
- 3 Sebarang unsur-unsur Kebudayaan asing yang tidak bertentangan dengan agama Islam yang mengisi kekosongan dan/atau memajukan kebudayaan Melayu hendaklah diterima, bahkan dicari, dimasukkan dan disebatikan dalam kebudayaan Melayu.

Melalui kertas kerja Dewan Kebudayaan Kebangsaan, Kongres ini berpendapat bahawa sudah sampai masanya ditubuhkan Dewan Kebudayaan Kebangsaan yang tulen. Ini adalah untuk menggalakkan Kebudayaan Kebangsaan Tanah Melayu supaya “terwujud, tumbuh dan berkembang terus.” Dewan Kebudayaan Kebangsaan yang hendak ditubuhkan itu mestilah mempunyai falsafahnya yang tersendiri, iaitu Falsafah Kebudayaan Kebangsaan Tanah Melayu yang mengandungi lima rukun:

- 1 Kebangsaan
- 2 Kedaulatan
- 3 Kesatuan bahasa
- 4 Kekeluargaan
- 5 Keagamaan

Disamping itu, pengertian dan gerakan Kebudayaan Kebangsaan Tanah Melayu itu adalah wujud dari rakyat secara bebas, iaitu mengandungi perkara-perkara yang berhubung:

- 1 Ekonomi
- 2 Politik
- 3 Kemasyarakatan
- 4 Kesenian

Tujuan utama ditubuhkan Dewan Kebudayaan Kebangsaan ini ialah untuk menggerakkan dan menggalakkan perkembangan Kebudayaan Kebangsaan Tanah Melayu. Di samping itu Dewan ini bertanggungjawab:

- 1 Melaksanakan keputusan Kongres dan bertanggungjawab kepada Kongres.
- 2 Mengadakan cabang Dewan Kebudayaan Kebangsaan di seluruh negeri-negeri Melayu (termasuk Singapura dan Kalimantan Utara).
- 3 Bertanggungjawab menganjurkan Kongres dari masa ke semasa.
- 4 Merapatkan hubungan kebudayaan dengan luar negeri.

Kongres ini juga telah mengambil ketetapan di dalam rumusan kertas kerja “Kebudayaan Melayu Secara Umum” bahawa kerajaan Persekutuan Tanah Melayu hendaklah menubuhkan Jabatan Kebudayaan dalam Kementerian Pelajaran. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan usaha penyelidikan, menggalak dan memajukan kebudayaan

Kebangsaan Tanah Melayu dan berkerjasama dengan pihak-pihak yang difikirkan munasabah. Di samping itu, pelajaran seni muzik dan seni tari dicadangkan supaya diajarkan di sekolah rendah, menengah dan tinggi; dan orang ramai hendaklah juga digalakkan dan sedar dalam masalah ini. Bagi menyatupadukan rakyat Tanah Melayu, Kongres ini menggesa kerajaan supaya menggalakkan badan-badan kebudayaan antara kaum – bekerjasama untuk merapatkan perhubungan antara kaum-kaum bersama-sama bertanggungjawab melaksana dan menjayakan Kebudayaan Kebangsaan. Bagi mengeratkan perhubungan antarabangsa, Kongres ini berpendapat bahawa kerajaan hendaklah secepat mungkin mengadakan perhubungan perjanjian dan kerjasama yang rasmi tentang kebudayaan dengan negara-negara asing, terutama negara jiran.

Mengikut Borhan Md. Yaman, UMNO ketika itu tidak begitu mengambil berat terhadap Kongres Kebudayaan ini. Beliau dan Cikgu Johari Yusof telah dihantar oleh UMNO pusat (pada saat-saat akhir) bagi mewakili UMNO ke Kongres tersebut. Sedangkan parti-parti politik lain menghantar wakil-wakil penting ke Kongres ini seperti Zulkifli Mohammad (PAS), Othman Abdullah (PAS), Hj. Abdul Latiff (Parti Rakyat), dan Dr. Burhanuddin dan lain-lain (Wawancara dengan Borhan Mat Yaman).

Ini menyebabkan Borhan Md. Yaman (ketika bergiat cergas dalam politik) turut memainkan peranan yang penting dalam menyuarakan hasrat hatinya bagi memupuk minat terhadap kebudayaan dikalangan ahli-ahli UMNO. Ketika beliau menjadi Ketua Pemuda Negeri Melaka dan Ahli Jawatankuasa Pemuda Malaysia (1959–1969), beliau sentiasa mengambil berat terhadap pelaksanaan kebudayaan yang berteraskan kebudayaan Melayu. Ketika beliau berucap di suatu perjumpaan dengan sebelas cawangan UMNO di Jasir, Melaka, beliau telah menyeru semua ahli-ahli politik Melayu supaya mengambil berat soal-soal kebudayaan. Bagi beliau, kebudayaan sangat besar ertinya, dalam menurut nilai sesuatu bangsa (*Utusan Melayu*, 11 Oktober 1960).

Walaupun Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman telah memberi pengakuan dan jaminan (di dalam Dewan Rakyat 1960) bahawa pihak kerajaan telah menerima kebudayaan Melayu sebagai teras Kebudayaan Kebangsaan. Borhan tetap mengingatkan orang Melayu agar mereka tidak berasa megah dan bangga sahaja, sebaliknya mereka hendaklah juga mengambil berat di atas soal-soal kebudayaan. Bagi orang politik pula, perkara ini janganlah dianggap mudah kerana ia akan menentukan nilai bangsa pada masa akan datang (*Ibid.*). Walaupun Tunku Abdul Rahman telah mengisytiharkan Kebudayaan Kebangsaan Melayu berteraskan Kebudayaan Melayu, tetapi langkah-langkah menuju ke arah ini bagi melaksanakan rumusan-rumusan Kongres Kebudayaan I menemui jalan buntu.

Terdapat juga cadangan untuk mengadakan Kongres Kebudayaan II di Singapura pada akhir bula Disember 1964, tetapi cadangan ini talah mendapat bantahan daripada beberapa pihak. Setiausaha Majlis Pelajaran Melayu Singapura, Jailaini Imam, berpendapat jika Kongres Kebudayaan itu diadakan, ini akan memberi peluang kepada anasir-anasir subversif menindas kebudayaan Melayu. Lebih-lebih lagi beliau tidak berpuas hati dengan sikap pemerintah yang masih belum melaksanakan keputusan rumusan Kongres Kebudayaan I. Menurut Borhan Md. Yaman pula, sekiranya Kongres ini diadakan, ia tidak akan memberi keuntungan terhadap perjuangan orang Melayu bagi meninggikan taraf kebudayaan dan Cikgu Harun Aminurrashid pula berpendapat, sekiranya ia diadakan, ia merupakan satu jalan maut kepada kebudayaan Melayu (*Utusan Melayu*, 13 Julai 1964). Akhirnya usaha-usaha untuk mengadakan Kongres II itu gagal.

Kerajaan Malaysia hanya menubuhkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (seperti yang ada sekarang) pada 16 Mei 1964. Penubuhan Kementerian ini adalah

### *Isu dan Semangat Kebangsaan Melayu dalam Kebudayaan Kebangsaan*

sebagai langkah pertama pembentukan satu agensi di peringkat kementerian bagi melaksanakan dasar-dasar kerajaan mengenai kebudayaan. Pada bulan Mac 1971, struktur pentadbiran kementerian ini diasingkan mengikut bahagian-bahagian tertentu. Bahagian-bahagian yang ada di Kementerian ini, iaitu Kebudayaan, Belia dan Sukan diasingkan dengan diketuai oleh seorang pengarah bahagian. Dalam tahun 1971 juga suatu Kongress Kebudayaan Kebangsaan telah dilaksanakan untuk mengemukakan rumusan-rumusan terhadap konsep Kebudayaan Kebangsaan (Mohd Nawawi, 1976 : 9).

Peristiwa 13 Mei 1969 (pergaduhan antara kaum) telah memberi pengajaran kepada kerajaan Malaysia untuk mewujudkan sistem perpaduan di antara kaum di Malaysia. Bahasa Melayu yang telah dijadikan bahasa kebangsaan (Fasal 152 – Perlembagaan Malaysia) telah digunakan sebagai bahasa penyatuan dalam dasar pelajaran kebangsaan – merupakan strategi jangka panjang untuk mewujudkan negara Malaysia yang bersatu padu. Untuk tujuan ini, kerajaan telah memikirkan supaya ditentukan identiti atau keperibadian kebangsaan sebagai satu bangsa yang mempunyai maruah dan martabat seperti bangsa-bangsa lain yang merdeka dan berdaulat di dunia ini. Untuk melaksanakan cita-cita ini, kerajaan telah mewujudkan Rukunegara yang mengandungi lima prinsip utama sebagai falsafah negara kita bagi panduan dan amalan setiap rakyat yang cinta kepada tanahairnya (Ucapan Tun Abdul Razak, 1971).

Untuk mewujudkan negara Malaysia yang bersatu padu, kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menganjurkan kongress Kebudayaan Kebangsaan, di Universiti Malaya pada 16-20 Ogos 1971. Tujuan utama diadakan kongress ini adalah sebagai langkah awal mencari asas-asas kebudayaan kebangsaan bagi memenuhi hasrat dan cita-cita kebangsaan dalam usaha memenuhi dan memberi makna kepada kemerdekaan. Sebagai sebuah negara yang merdeka dan penduduknya terdiri dari berbilang kaum, Malaysia seharusnya mempunyai kebudayaan kebangsaan sendiri bagi mencapai tiga matlamat penting:

- 1 Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan kebangsaan.
- 2 Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan yang tumbuh daripada kebudayaan kebangsaan.
- 3 Memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan manusia dan kerohanian yang seimbang pembangunan sosioekonomi (Abdullah Nawawi, 1976:5).

Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada majlis pembukaan kongres menyatakan:

Nenek moyang bangsa kita yang mendiami rantau nusantara ini meninggalkan pusaka kebudayaan yang kaya raya dan tinggi mutunya. Maka itu, sudah sewajarnya kita menerima gagasan bahawa kebudayaan kebangsaan yang sedang dibentuk dan dicorakkan itu hendaklah berlandaskan kebudayaan rakyat asal rantau ini. Bagaimanapun, patutlah juga kita mengambil unsur-unsur kebudayaan yang datang ke rantau ini dan membawa pengaruh-pengaruh di atasnya semenjak beberapa lama supaya pengaruh-pengaruh yang bermamfaat dapat menyegarkan dan menentukan corak kebudayaan Malaysia bagi masa hadapan. Namun, haruslah

diingat, dalam mencari bentuk dan menentukan corak kebudayaan kebangsaan, kita tidak melupakan hakikat masyarakat kita yang berbilang bangsa.

Daripada rumusan-rumusan yang dicapai dalam kongres itu, maka tiga konsep penting telah ditetapkan untuk menjadi asal kebudayaan kebangsaan, iaitu:

- 1 Kebudayaan Kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan asal rakyat rantau ini.
- 2 Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan.
- 3 Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu (Asas Kebudayaan Kebangsaan, 1973).

Kongress Kebudayaan Melayu I (yang dianjurkan oleh rakyat pada 1957) dan Kongres Kebudayaan Kebangsaan (yang dianjurkan oleh kerajaan Malaysia pada 1971 (sebenarnya mempunyai tujuan yang sama. Melalui kongres ini, pihak penganjur ingin membuat satu ketetapan tentang kebudayaan kebangsaan Malaysia. Manakala ketetapan terhadap konsep kebudayaan kebangsaan yang diputuskan di kedua-dua kongres ini adalah berteraskan kebudayaan Melayu dengan agama Islam menjadi unsur penting dalam kebudayaan Melayu.

Kerajaan tidak begitu mengindahkan rumusan-rumusan yang telah ditetapkan di dalam Kongress Kebudayaan Melayu I (1957). Walaupun kongres ini menetapkan supaya hal ehwal kebudayaan diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran dan mata pelajaran Muzik dan Tarian hendaklah diajar di semua peringkat sekolah, kerajaan hanya mendiam diri sahaja. Hal ehwal kebudayaan hanya diletakkan dibawah Kementerian Penerangan dan Penyiaran (di bawah tanggungjawab Perdana Menteri) dan tahun 1964, baru ditubuhkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Manakala Dewan Kebudayaan Kebangsaan yang dicadangkan dalam kongres 1957, mati begitu sahaja kerana tidak mendapat sokongan dan pengiktirafan daripada kerajaan.

Setelah 13 tahun kita mencapai kemerdekaan di samping pengajaran daripada peristiwa 13 Mei 1969, barulah kerajaan memikirkan satu konsep kebudayaan kebangsaan ke arah mencapai cita-cita perpaduan negara bagi mengembang dan mengukuhkan kebudayaan kebangsaan serta pengekaln keperibadian negara dan bangsa sesuai dengan cita-cita mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan perkembangan sosial ekonomi negara kita (Aziz Deraman, 1982 : 18). Dewan Kebudayaan Kebangsaan yang dicadangkan dalam kongress 1957 bagi mengembang dan memajukan kebudayaan kebangsaan, telah difikirkan oleh kerajaan (fungsi yang agak sama) dengan menubuhkan majlis nasihat kebangsaan berkenaan kebudayaan.

Kerajaan telah mengambil langkah dengan menubuhkan majlis penasihat kebangsaan berkenaan kebudayaan pada awal tahun 1976. Pelancaran rasminya diadakan pada 3 Jun 1976 merupakan satu langkah terbaru yang diambil oleh kerajaan dalam melaksanakan dasar kebudayaan kebangsaan di Malaysia. Tujuannya adalah untuk membolehkan semua pihak bersama-sama memikirkan, menganalisis, dan mencari jalan mengatasi beberapa masalah yang sebahagian besar daripadanya timbul dari sifat keunitan keadaan kebudayaan di negara kita. Penubuhan majlis ini adalah menuju ke arah:



*Isu dan Semangat Kebangsaan Melayu dalam Kebudayaan Kebangsaan*

- 1 Menempatkan sebahagian daripada peranan menentukan pelaksanaan dasar kebudayaan kebangsaan pada rakyat dari berbagai kaum, lapisan, minat dan disiplin yang diwakili oleh majlis tersebut.
- 2 Melahirkan satu keadaan kewujudan yang sihat yang timbul dari kepelbagaian dan sifat saling hubungan yang menjadi ciri hakiki kebudayaan; dengan cara menunjukkan kepada majlis untuk mendapat nasihat.
- 3 Memberikan kesedaran dan keyakinan kepada rakyat bahawa pelaksanaan dasar kebudayaan kebangsaan di negara ini bukanlah satu proses tekanan atau paksaan yang datang dari satu sumber, tetapi adalah satu langkah yang berpunca dari sumbangan dan tanggungjawab bersama (Abdullah Nawawi, 1976 : 3).

### **Rujukan**

Abdul Rahim Kajai. "Adakah Kita sesuai Bergaul dan sama-sama Hidup Dengan Malayan." Majlis, 15 Ogos 1932.

Cheah Boon Kheng. 1982. Komarad Bertopeng. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Burhanuddin Al-Helmy. 1954. "Falsafah Kebangsaan Melayu 1954".

Abdullah Nawawi (ed.). 1976. Majlis Penasihat Kebangsaan Berkenaan Kebudayaan. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Asas Kebudayaan Kebangsaan. 1973. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Aziz Deraman. 1982. "Perancangan dan Pentadbiran Kebudayaan di Malaysia". Seminar Kebudayaan Nasional.